



23 DEC, 2020

Pegaga sumber rezeki besarkan empat anak

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Pegaga sumber rezeki besarkan empat anak

Oleh NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamula.com

ARAU: Pegaga atau *centella asiatica* merupakan herba menjalar yang tumbuh di kawasan lembap dan redup serta banyak ditemukan di sekitar kawasan kampung.


Walaupun sesetengah orang menganggap herba itu hanya ulam untuk menu orang kampung, namun pegaga yang dipercayai mempunyai khasiat awet muda dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi punca pendapatan kepada Johari Din, 60, sejak 23 tahun lalu.

Johari yang mengusahakan kebun pegaga secara komersial di Kampung Kok Klang, Mata Ayer di sini berkata, kebun pegaga itu diusahakan bermula daripada bapanya dan kini turun kepada anak-anaknya.

Katanya, hasil jualan pegaga yang diusahakan di kawasan seluas 0.57 hektar itu menjadi punca pendapatan utamanya dalam membesarkan keempat-empat anaknya.

Jelasnya, tanaman herba itu amat mudah ditanam serta dijaga berbanding tanaman sayur-sayuran lain.

"Penjagaan pegaga ini tidak susah. Mula dengan buat batas, dua minggu kemudian kita tanam anak pokok. Selepas itu, letak baja sebanyak dua kali iaitu



JOHARI Din menunjukkan hasil tuaian pegaga yang dipercayai mempunyai khasiat awet muda di kebunnya di Kampung Kok Klang, Mata Ayer, Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

selepas tiga minggu sebelum dituai pada setiap tiga bulan.

"Kunci utama adalah perlu rajin menyiram dan cabut rumput. Kalau tidak dicabut, nanti rumput pula akan tumbuh dengan banyak mengalahkan pegaga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, anak perempuannya yang turut membantu dari segi promosi dan pemasaran, Suhafiza Johari, 33, berkata, kebun keluarganya mampu mengeluarkan hasil hingga 20 tan setahun iaitu empat hingga lima tan setiap tiga bulan.

"Selain menjual pegaga kepada peniaga pasar tani, sebahagian besar hasil tanaman tersebut dipasarkan kepada sebuah syarikat pengeluaran barangan herba terkenal di negeri ini untuk dijadikan produk seperti kordial dan teh pegaga," katanya.



23 DEC, 2020

Pegaga sumber rezeki besarkan empat anak

Utusan Malaysia, Malaysia

SUMMARIES

ARAU: Pegaga atau centella asiatica merupakan herba menjalar yang tumbuh di kawasan lembap dan redup serta banyak ditemukan di seldtar kawasan kampung. Walaupun sesetengah orang menganggap herba itu hanya ulam untuk menu orang kampung, namun pegaga yang dipercayai mempunyai khasiat awet muda d i am kalangan masyarakat Melayu menjadi punca pendapatan kepada Johari Din, 60, sejak 23 tahun lalu.